

# Anak Penjual Tisu



### **Cetakan 2017**

Hak cipta terpelihara ©2017 Pusat Bahasa Melayu Singapura, Akademi Guru Singapura, Kementerian Pendidikan Singapura. Tidak dibenarkan mengulang cetak atau menerbitkan semula mana-mana bahagian isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk sama ada secara elektronik, fotokopi, rakaman atau cara lain sebelum mendapat keizinan bertulis daripada pemilik hak cipta buku ini.

ISBN: 978-981-11-1614-8

### **Diterbitkan oleh:**

Pusat Bahasa Melayu Singapura  
Akademi Guru Singapura  
Kementerian Pendidikan Singapura  
Lelaman Internet: [www.malaylanguagecentre.moe.edu.sg](http://www.malaylanguagecentre.moe.edu.sg)



### **Dicetak pada tahun 2017 oleh:**

Oxford Graphic Printers Pte Ltd  
Tel: 6748 3898  
[www.oxfordgraphic.com.sg](http://www.oxfordgraphic.com.sg)

### **Penulis**

Arfah Buang, Sekolah Sains dan Teknologi, Singapura  
Hidayat Hamzah, Sekolah Rendah Gan Eng Seng  
Khaziah Yem, Sekolah Rendah Eunus  
Marliana Mohamed Rashid, Sekolah Rendah Telok Kurau  
Rahmat Subadah, Pusat Bahasa Melayu Singapura

### **Catatan**

Cerita yang terkandung dalam buku ini tiada kaitannya dengan sesiapa baik yang masih hidup atau pun yang sudah meninggal dunia. Pendapat dan pandangan penulis tidak semestinya mencerminkan pendapat dan pandangan Pusat Bahasa Melayu Singapura.

## **Sekapur Sirih**

**Benih** merupakan koleksi cerpen yang dihasilkan oleh kumpulan guru peserta program penyerapan ke Pekanbaru, Riau Indonesia pada tahun 2016. Cerpen-cerpen dihasilkan bagi menggalakkan murid agar minat membaca khususnya dalam kalangan murid Darjah 5 dan 6.

Penyediaan bahan bacaan yang berkualiti amat penting untuk memupuk minat membaca dalam kalangan murid. Melalui bahan bacaan yang luas dan pelbagai, murid mampu meluaskan pengetahuan, kosa kata, dan pandangan mereka tentang kehidupan.

Oleh itu, tema yang dipaparkan dalam cerpen-cerpen ini pelbagai bagi memenuhi kematangan dan cita rasa murid yang disasarkan. Bahasa yang digunakan pada umumnya mudah difahami. Namun terdapat usaha untuk meluaskan kosa kata murid dengan memperkenalkan beberapa perkataan yang mampu memperkaya kosa kata mereka. Cerpen-cerpen ini juga mengandungi unsur-unsur nilai bagi membina sahsiah, jati diri dan memupuk nilai-nilai kemanusiaan sejagat.

Diharapkan **Benih** akan menjadi pemangkin kepada keinginan untuk memupuk budaya membaca dalam kalangan murid.

Selamat membaca!

### **Mohamed Noh Daipi**

Pengarah Pusat Bahasa Melayu Singapura  
Akademi Guru Singapura  
Kementerian Pendidikan Singapura

## Prakata

Koleksi cerpen ini dihasilkan oleh para guru yang terlibat dalam Program Penyerapan bagi Guru Kanan ke Pekanbaru pada bulan Mei 2016. Projek penulisan cerpen ini dilaksanakan bagi menggalakkan dan memupuk minat membaca dalam kalangan murid.

Pelbagai tema dikupas bagi meningkatkan kesedaran murid tentang kehidupan. Antara tema yang dikupas dan dipersembahkan dalam bentuk cerpen ini termasuklah tema persahabatan, kejujuran, perjuangan, berbuat baik, sikap tidak berputus asa dan kesetiaan.

Beberapa idea pengajaran dan soalan-soalan perbincangan disediakan bagi setiap cerpen untuk menggalakkan perbincangan dalam kalangan murid. Beberapa strategi bagi meningkatkan penglibatan murid dalam pembelajaran semasa membaca cerita turut diperkenalkan.

Selain itu, nilai-nilai yang dipaparkan dalam setiap cerpen diharapkan dapat membangun jiwa insan murid-murid kita dan mengukuhkan jati diri mereka sebagai pengguna bahasa Melayu yang berkesan.

Semoga buku ini dapat dimanfaatkan oleh para guru dan menjadi bahan bacaan yang menyeronokkan bagi murid.

Rahmat Subadah

Guru Pakar, Pusat Bahasa Melayu Singapura  
Ketua projek pembinaan koleksi cerpen **Benih**

# ANAK PENJUAL TISU

Hidayat Hamzah

**P**ergilah, nak. Ibu tunggu di sini,” ujar Puan Salbiah kepada anak sulungnya.

“Ibu duduk sini, ya? Nanti selepas Farah ambil keputusan, Farah akan kembali ke sini. Ibu doakan Farah, ya?” pinta Farah sambil menggenggam erat tangan ibunya.

Walaupun buta, Puan Salbiah dapat merasakan debaran yang **mencengkam** seluruh tubuh anaknya itu. Puan Salbiah tahu anaknya dilanda perasaan takut untuk menerima keputusan peperiksaan PSLEnya. Puan Salbiah menghulurkan kedua-dua tangannya lalu **menggamit** kepada Farah. Farah terus **menerpa** lalu memeluk ibunya dengan erat.

“Sejak dalam kandungan lagi bibir Ibu tidak pernah kering mendoakan kesejahteraanmu, nak. Ibu yakin Farah akan lulus dengan cemerlang. Kita harus reda dan bersyukur, ya, sayang?”

Farah mengucup dahi dan kedua-dua belah pipi ibunya. Dia berpaling lalu bergegas ke arah barisan kelasnya di dalam dewan sekolah. Farah melihat di sekelilingnya. Semua rakannya sedang dalam keadaan senyap menantikan keputusan peperiksaan PSLE diumumkan.

“Farah!” kedengaran suara memanggilnya.

“Eh, Cikgu Rohani! Assalamualaikum, Cikgu,” balas Farah sambil bingkas bangun dari. Farah mencium tangan guru kesayangannya itu.

Cikgu Rohani memang telah banyak membantu Farah terutama sekali pada waktu keluarga Farah dilanda kesusahan. Ayah Farah meninggal dunia akibat

kemalangan di tempat kerja. Ibunya pula sememangnya buta sejak dilahirkan.

“Bagaimana dengan kerja sekolah Farah nanti?” tanya Puan Salbiah.

“Ibu jangan risau. Setelah Farah bantu Ibu membuat kerja rumah, Farah akan menyelesaikan kerja sekolah Farah. Lagi pun, kebanyakannya sudah Farah habiskan pada waktu rehat di sekolah tadi,” terang Farah dengan lembut.

Lamunan Farah terhenti apabila Cikgu Rohani menepuk-nepuk bahu Farah sambil memberikan kata-kata perangsang. Reda sedikit **gemuruh** di hati Farah apabila melihat wajah tenang guru kesayangannya itu. Setelah mengucapkan terima kasih, Farah kembali duduk di lantai.


Satu persatu, rakan-rakan sekelas Farah mula tiba bersama ibu bapa mereka. Tidak lama kemudian, muncul Encik Goh, pengetua sekolah Farah, di atas pentas.

“Hei, Farah engkau datang juga? Tidak takutkah, mendapat gred rendah? Entah-entah, gagal agaknya!”

Farah tahu itu suara Fiona. Rakan-rakan Fiona sedang mentertawakan Farah.

“Engkau balik sahajalah, Farah. Engkau pasti boleh lulus PSLE? Apatah lagi, untuk mendapat anugerah murid cemerlang. Lainlah macam aku. Betul, kawan-kawan?” ujar Fiona sambil bermain-main dengan rambutnya yang dihias khas di salon semalam.

“Betul!” sambut rakan-rakan Fiona.



“Kasihan betul aku lihat engkau, Farah. Tuisyen pun tiada. Hari-hari asyik menyusahkan Cikgu Rohani sahaja. Terpaksa beliau pulang lewat kerana harus membantu engkau. Apa kata engkau berhenti sekolah sahaja? Jual tisu sepenuh masa macam emak engkau!” sambung Fiona lagi.

Farah hanya mampu tersenyum. Biarpun hatinya terasa bagaikan ditusuk **sembilu**, dia tetap bersabar.

“Pak cik, beli tisu, Pak cik? Tiga bungkus sedolar sahaja,” pujuk Farah kepada seorang lelaki yang sedang menghirup semangkuk cendol di pusat penjaja itu.

Melihat ibu Farah yang berkaca mata hitam dan bertongkat putih, lelaki itu mengangkatkan keningnya kepada Farah. Seperti memahami maksud lelaki itu, Farah mengeluarkan sekeping kad lalu menunjukkan kepadanya. Setelah melihat kad pengesahan yang ditunjukkan, lelaki itu mengeluarkan dua keping syiling lima puluh sen lalu meletakkannya di atas meja.

Farah menghulurkan tiga bungkus tisu lalu mengucapkan terima kasih kepada lelaki itu.

Tiba-tiba, Farah terasa tubuhnya dilanggar keras. Kepalanya hampir-hampir terhentak tebing meja. Farah mengerang kesakitan. Puan Salbiah bersusah payah membantu anaknya bangun semula.

“Hei, engkau pun buta macam emak engkaukah?” Fiona sengaja melanggar Farah.



“Hei, Farah! Nyaris-nyaris telefon bimbit aku terpelanting. Kalau pecah nanti, engkau mahu bayar? Engkau kerja satu tahun pun belum tentu dapat membeli telefon canggih seperti ini,” sindir Fiona dengan **sinis**.

Farah melihat Fiona beredar dari situ dengan mata yang berkaca-kaca. Puan Salbiah menenangkan Farah sambil mengusap-usap rambut anaknya.

“Bersabar, sayang. Ingat pesanan arwah Ayah, ya sayang?” pujuk Puan Salbiah.

Lamunan Farah tersentak apabila Fiona menolak Farah ke tepi. Semua murid memberikan laluan kepada Fiona. Maklumlah, Fiona memang popular. Anak orang kaya. Apa sahaja yang diingini, pasti dapat. Tiada siapa yang berani **menentang** kata Fiona.

“Salam sejahtera, guru-guru, ibu bapa dan murid-murid sekalian. Hari yang dinanti-nantikan sudah pun tiba. Sebentar lagi keputusan PSLE akan diberikan kepada setiap murid. Semoga usaha kita selama enam tahun ini membuahkan hasil. Kini saya umumkan nama-nama murid cemerlang bagi tahun ini. Tahun ini, kita mempunyai tiga orang murid yang berjaya meraih agregat melebihi 260. Sila berikan tepukan paling gemuruh bagi murid-murid ini.” Ucap Encik Goh sambil tersenyum bangga.

Setelah menoleh ke arah ibunya dan Cikgu Rohani, Farah melihat di sekelilingnya. Sepi. Farah memejamkan

kedua-dua belah matanya sambil menghela nafas panjang.

“Christina Lee Xiao Mei!”

Farah menoleh ke arah Christina. Kelihatan dia sedang melonjak kegembiraan. Kelihatan juga bapa Christina sedang memeluk ibu Christina.

“Harjinder Singh!”


Farah menoleh ke arah Harjinder yang sedang tersengih-sengih. Harjinder memang terkenal sebagai murid cemerlang sejak dari darjah tiga lagi. Harjinder mengikuti kelas tuisyen di tempat yang sama dengan Fiona dan beberapa teman mereka yang lain. Farah melihat Fiona menepuk-nepuk bahu Harjinder tanda mengucapkan syabas.

“Dan akhir sekali murid cemerlang bagi PSLE tahun ini ialah...”

Farah memejamkan matanya sekali lagi. Ah, mana mungkin dia dapat meraih anugerah murid cemerlang! Dia hanya anak penjual tisu yang buta.

“Nur Farah Binte Razali!”

Bunyi tepukan yang amat gemuruh mengejutkan Farah daripada lamunannya. Farah terpinga-pinga. Dia dapat merasakan berpuluh-pasang mata sedang melihatnya. Tiba-tiba, tangan Farah ditarik lembut oleh Cikgu Rohani yang mengajaknya naik ke atas pentas untuk menerima anugerah itu.



Di atas pentas, Farah mencari-cari ibunya. Akhirnya dia ternampak ibunya sedang duduk di sudut dewan, sedang mengangkat kedua-dua belah tangannya tanda syukur pada yang Maha Esa. Farah tidak dapat membendung perasaannya lagi. Dia menangis.



## Renungan

Kejayaan tidak akan pernah datang bergolek. Sesiapa sahaja boleh berjaya, asalkan sanggup bekerja keras untuk mencapai kejayaan. Usaha tangga kejayaan.

Apakah renungan kamu mengenai sikap yang dipaparkan oleh Farah dalam cerpen ini?

## Glosari

1. **mencengkam** – memegang erat
2. **menggamit** – memberi isyarat untuk memanggil
3. **menerpa** – menerkam
4. **gemuruh** – berdebar-debar hati, agak gentar
5. **sembilu** – kulit buluh yang diraut tajam
6. **sinis** – suka mengejek, memerli, mempersendakan, memandang rendah
7. **menentang** – melawan

## SEKALUNG BUDI

Akar keladi melilit selasih,  
Selasih tumbuh di hujung taman;  
Kalungan budi junjungan kasih,  
Mesra kenangan sepanjang zaman.

Terima kasih diucapkan kepada Pusat Bahasa Melayu Singapura yang telah menyediakan wadah bagi penerbitan koleksi cerpen **Benih**.

Ucapan terima kasih dan penghargaan kepada semua guru yang telah menyumbangkan karya cerpen mereka dalam penerbitan koleksi cerpen **Benih**.

Terima kasih juga kepada Jawatankuasa Pembelajaran dan Penggalakan Penggunaan Bahasa Melayu atau MLLPC kerana telah mentauliahkan program penyerapan bagi Guru Kanan bahasa Melayu Singapura dan membolehkan para guru mengikuti program penyerapan yang mencetuskan idea bagi penerbitan koleksi cerpen **Benih**.

Dan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau pun tidak dalam penerbitan dan lahirnya koleksi cerpen **Benih** sebagai wadah dan bahan bacaan bagi murid di sekolah rendah di Singapura.



Ministry of Education  
SINGAPORE

